



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN ICT

BIL.05/2018

## GARIS PANDUAN MEMBANGUN LAMAN WEB DAN TAPAK HOSTING

### 1.0 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan menyelaraskan dan mengawasi pembangunan laman web yang dibangunkan oleh pengguna untuk tujuan laman web PTJ dan peribadi bersesuaian seperti mana yang dikehendaki oleh UiTM.

### 2.0 Skop

Skop garis panduan ini melibatkan semua pembangunan laman web PTJ dan persendirian yang dibangunkan oleh staf UiTM dan juga Pusat Tanggung Jawab.

### 3.0 Penyataan

- i. UiTM menggalakkan warga kampus membangunkan laman web, tetapi hanya laman web rasmi Jabatan/Bahagian/Fakulti/Cawangan atau seumpamanya sahaja yang boleh dipautkan dalam laman web rasmi UiTM;
- ii. Setiap Pusat Tanggung Jawab (PTJ) hanya menerima satu sub-domain sahaja. Cth. <http://ppii.uitm.edu.my>;
- iii. Setiap permohonan laman web yang baru hendak diajukan kepada Pegawai yang bertanggungjawab di PTJ masing-masing;
- iv. PTJ/Pentadbir laman web UiTM perlu bertanggungjawab terhadap laman web di bawah sub-domain masing-masing dari segi keselamatan. Antara aspek keselamatan yang diperlukan adalah:-

### **1. Pemasangan SSL/TLS bagi laman web url domain .uitm.edu.my**

PTJ/Pentadbir laman web UiTM boleh rujuk Bahagian Keselamatan ICT UiTM bagi tujuan pemasangan SSL/TLS bagi laman web url domain .uitm.edu.my.

### **2. Kemas kini / Patch versi CMS terkini**

Melakukan patch CMS yang diperlukan dan kemas kini dengan versi terkini untuk mengelakkan kelemahan terdedah.

### **3. Hadkan akses untuk traversal direktori**

Pentadbir laman web UiTM perlu melakukan penyemakan untuk ubah akses traversal direktori. Direktori traversal atau Path Traversal adalah serangan HTTP yang membolehkan penyerang mengakses direktori terhad, seperti kebocoran maklumat fail dalam direktori mungkin memberikan maklumat yang cukup untuk seorang penyerang untuk menyerang serangan selanjutnya terhadap sasaran tertentu.

### **4. Perhatikan Prinsip Pengkodan Secure**

Prinsip pengkodan selamat harus diperhatikan semasa pembangunan secara dalaman aplikasi yang dibangunkan.

### **5. Tukar Semua *Credential* Pengguna dan Kata Laluan**

Menukar semua kata laluan pengguna. Sebagai ukuran yang baik, kelayakan pentadbir dan kata laluan untuk semua pelayan termasuk pangkalan data harus ditukar segera.

### **6. Penutupan laman Web**

Jika terdapat laman web yg tidak digunakan, tiada pemilik atau masih belum diambil tindakan spt update patches, penggunaan chmod 777.

- v. Pengguna atau pemilik laman web adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kandungan. Pihak UiTM tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungan dan sebarang penyalahgunaan hakcipta yang dilakukan oleh pemilik laman web;
- vi. Pengurusan ICT berhak menentukan perisian pembangunan laman web bagi tujuan pengoptimuman penggunaan dan keselamatan;
- vii. Keselamatan maklumat dan penyiaran adalah di bawah tanggungjawab individu (pembina laman web) dan perlu mengambil kira aspek keselamatan daripada pencerobohan pihak luar;
- viii. **Laman web peribadi hendaklah berbentuk ilmiah dan bagi tujuan akademik;**
- ix. **Laman web yang berunsur politik, perniagaan dan pengiklanan adalah tidak di benarkan sama sekali;**
- x. Pengiklanan komersial seperti **banner, Ads Adsense Google** atau mana-mana yang seumpamanya adalah tidak dibenarkan sama sekali diletakkan di dalam laman web individu;

- xi. Kandungan laman web tidak boleh mengandungi maklumat yang menyalahi undang-undang / peraturan UiTM, negeri dan negara. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) maklumat yang berbentuk politik, keganasan, lucah, hasutan dan yang boleh menimbul atau membawa kepada keganasan, keruntuhan akhlak dan kebencian;
- xii. Sebarang pembangunan sistem pada tapak hosting yang diberikan adalah dilarang;
- xiii. Video dan Audio tidak boleh dimuatnaik dan disimpan di tapak hosting;
- xiv. Tidak memberi atau membenarkan dengan sengaja orang perseorangan atau individu lain mengendalikan laman web peribadi di atas identiti pemilik;
- xv. Pemilik laman web dilarang menggunakan laman web yang dibangunkan sebagai jalan keluar (**proxy**) kepada laman web lain yang berada di luar terutamanya yang menyebabkan kerosakan kepada pihak lain atau UiTM;
- xvi. Sebarang maklumat atau sistem aplikasi yang mempunyai data-data sensitif seperti maklumat staf dan pelajar adalah dilarang sama sekali;
- xvii. Pemilik laman web perlu membuat salinan sandar atau *backup* terhadap laman web masing-masing;
- xviii. Pengurusan ICT tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan maklumat pada pelayan (server) sehingga menyebabkan berlakunya kegagalan capaian maklumat;
- xix. Sebarang insiden pencerobohan hendaklah dilaporkan terus kepada pihak Pengurusan ICT universiti untuk tindakan selanjutnya;
- xx. UiTM berhak menamatkan mana-mana laman web peribadi yang melanggar syarat-syarat yang dinyatakan tanpa sebarang notis; dan
- xxi. Pengurusan ICT berhak meminda atau menarik balik mana-mana perkara di dalam garis panduan ini tanpa sebarang notis.

#### **4.0 Garis Panduan Penggunaan Hos Maya (Virtual Hosting)**

- i. Setiap pengguna diberikan maksima 1000Mb – 5000Mb ruang storan di server induk, dan dua (2) database MySQL. Tambahan kapasiti hanya diberikan berdasarkan kepada keperluan dan tidak boleh melebihi daripada 10Gb dan tidak melebihi daripada tujuh (7) database MySQL setiap hosting. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk pada ruang storan yang ada;
- ii. Setiap pengguna/pemilik bertanggungjawab terhadap penggunaan tapak yang dihoskan, khususnya terhadap maklumat yang disebarikan secara elektronik melalui laman web mereka dan mempunyai *backup* terhadap segala maklumat yang dihoskan;
- iii. Sebarang masalah yang berkaitan dengan tahap penghantaran dan penerimaan data bagi tapak hos hendaklah dirujuk kepada Pengurusan ICT untuk tindakan selanjutnya;

- iv. Pengguna/pemilik tapak tidak dibenarkan merosakkan sistem komputer atau data dengan apa jua cara seperti pengedaran virus komputer melalui tapak yang dihoskan;
- v. Jika didapati bahawa sumber maklumat UiTM telah disalahgunakan atau tidak mengikut peraturan yang ditetapkan, Pengurusan ICT boleh menghadkan atau membatalkan akses kepada tapak hos tersebut dan seterusnya menamatkan perkhidmatannya; dan
- vi. Mana-mana akaun yang tidak aktif untuk tempoh satu (1) tahun akan di tamatkan perkhidmatannya tanpa sebarang notis.

## **5.0 Senarai Rujukan**

- i. Dokumen Dasar ICT UiTM
- ii. Dokumen Dasar Keselamatan ICT 2018
- iii. Pekeliling ICT